

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 11.03.2026 MASA: 05.00PTG

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN
YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN
ABDUL HAMID
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI

SEMPENA
MAJLIS PEMBERIAN SUMBANGAN KASIH IHYA'
RAMADAN 1447 HIJRAH/ 2026 MASIHI UNTUK
KAKITANGAN MAJLIS BANDARAYA SEBERANG
PERAI YANG KURANG BERKEMAMPUAN

TARIKH / MASA / TEMPAT
12 MAC 2026 (KHAMIS)
2.30 PETANG

AUDITORIUM, MENARA BANDARAYA, MBSP
SEBERANG PERAI TENGAH

Terima kasih Saudari Pengacara Majlis

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Tuan Mohd Ibrahim bin Md Nor

Setiausaha Bandaraya Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berbahagia Datin Noraishah binti Hashim

Pengerusi PUSPANITA Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Puan Maziana Binti Mohd Mokhtar

Timbalan Pengerusi PUSPANITA Majlis Bandaraya Seberang Perai

Wakil-Wakil daripada Zakat Pulau Pinang, Nasmir Holding serta para penyumbang

Ketua-Ketua Jabatan

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Pegawai-Pegawai Kanan Jabatan

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Barisan Ahli Jawatankuasa Induk PUSPANITA Majlis Bandaraya Seberang Perai

Warga Kerja Majlis Bandaraya Seberang Perai

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Petang, Salam Sejahtera, Salam Penang2030 dan Salam Malaysia MADANI,

1. Segala puji bagi Allah S.W.T., Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam ke atas junjungan besar, Nabi Muhammad S.A.W. Alhamdulillah, kita bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, kita dapat bersama-sama dalam majlis yang penuh bermakna ini, **Majlis Pemberian Sumbangan Kasih Ihya' Ramadan 1447 Hijrah/ 2026 Masihi Untuk Kakitangan Majlis Bandaraya Seberang Perai Yang Kurang Berkemampuan.** Kehadiran kita pada hari ini bukan sekadar untuk menyampaikan sumbangan, tetapi untuk **meraikan nilai kemanusiaan, keprihatinan dan kebersamaan** dalam keluarga besar MBSP.
2. Ramadan merupakan bulan yang penuh rahmat dan keberkatan. Dalam bulan yang mulia ini, setiap amalan kebajikan dijanjikan ganjaran yang besar oleh Allah S.W.T. Firman Allah dalam **Surah Al-Baqarah ayat 261:**
“Perumpamaan orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah adalah seperti sebutir benih yang menumbuhkan tujuh tangkai; pada tiap-tiap tangkai itu pula terdapat seratus biji.”
Ayat ini mengingatkan kita bahawa **setiap kebaikan yang kita lakukan akan digandakan ganjarannya oleh Allah S.W.T.**

3. Saya, selaku Datuk Bandar MBSP, ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada **PUSPANITA MBSP** serta semua pihak yang telah bertungkus lumus menjayakan program ini. Walaupun masing-masing mempunyai tanggungjawab dan komitmen kerja yang tinggi, namun semangat untuk membantu mereka yang memerlukan tetap menjadi keutamaan.
4. Saya difahamkan pada tahun ini seramai **150 orang kakitangan MBSP yang kurang berkemampuan** akan menerima sumbangan berupa **pek makanan dan wang sumbangan**. Mudah-mudahan sumbangan ini dapat membantu meringankan beban penerima dalam membuat persiapan menyambut **Hari Raya Aidilfitri yang bakal menjelang**.

Rasulullah S.A.W. bersabda:

“Sebaik-baik manusia adalah mereka yang paling bermanfaat kepada manusia yang lain.”

(Riwayat Ahmad)

Hadis ini mengingatkan kita bahawa **nilai kemuliaan seseorang bukan diukur pada kedudukannya, tetapi pada sejauh mana kita memberi manfaat kepada orang lain**.

5. Saya juga dimaklumkan bahawa PUSPANITA MBSP turut menganjurkan beberapa program sepanjang Ramadan seperti **edaran bubur lambuk D'Tandoor & Nestle sebanyak 1,600 pek serta edaran teh tarik istimewa Nasi Kandar Pelita sebanyak 1,000 pek**

pada 13 Mac 2026, selain **Jualan Rahmah & Aidilfitri** pada 16 Mac 2026. Inisiatif seperti ini amat bermakna kerana ia menyemarakkan lagi semangat Ramadan serta mengeratkan hubungan sesama warga MBSP.

6. Saya berharap agar usaha kebajikan seperti ini dapat **diteruskan dan diperkasakan pada masa hadapan**, kerana sebuah organisasi yang hebat bukan sahaja dinilai melalui pencapaiannya, tetapi juga melalui **keprihatinannya terhadap kebajikan warganya sendiri**.
7. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, sekali lagi saya ingin merakamkan penghargaan kepada **PUSPANITA MBSP serta semua pihak yang telah menyumbang dan menjayakan program ini**. Semoga segala usaha murni ini mendapat ganjaran pahala dan keberkatan daripada Allah S.W.T.
8. Akhir kata, saya ingin mengucapkan **selamat menjalani ibadah puasa** dan semoga kita semua dapat meningkatkan amalan sepanjang bulan Ramadan yang mulia ini. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan **Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin** kepada seluruh warga MBSP yang bakal menyambutnya.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.